

**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI.**

BILANGAN TAWARAN : BBS/TOC2017/LIFT-BP.KB

TAJUK TAWARAN : THREE (3) YEARS TERM OF CONTRACT FOR COMPREHENSIVE MAINTENANCE OF KONE MONOSPACE @ MOTION ROOMLESS ELEVATOR TO BANGUNAN BUMIPUTERA KUALA BELAIT

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan di dalam kelas II kategori KPME02**

Syarat-syarat Tawaran :

1. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti Tawaran kepada alamat Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang, Hari Selasa, 15 Ogos 2017.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa dialamat yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Borang dan dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari :

**Bahagian Perancang Dan Kemajuan
Aras 2, Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria
Jalan Mckerron Kuala Belait.
Negara Brunei Darussalam.**
5. Yuran dokumen adalah dikehendaki sebanyak B\$ 50.00 (Ringgit Brunei Lima Puluh Sahaja) bagi tiap-tiap tawaran dan hendaklah dijelaskan di Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria Jalan Mckerron Kuala Belait. Negara Brunei Darussalam semasa waktu bekerja seperti berikut;

Pada Hari Isnin hingga Hari Khamis dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari dan dari jam 2.00 petang hingga 3.00 petang. Pada Hari Sabtu dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi dan tutup pada hari Jumaat, Hari Ahad dan Hari-hari kelepasan.
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap *Pemborong* dikehendaki menghadapkan *Sijil Pendaftaran* yang menunjukkan bahawa *Pemborong* adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar Dokumen Tawaran seperti kadar yang ditetapkan di iklan tawaran.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
8. Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.

Tarikh Akhir mengambil Dokumen Tawaran pada: 14 Ogos 2017 (Isnin), Tarikh tutup: 15 Ogos 2017 (Selasa) dan di alamatkan kepada:

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Bangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Tingkat 1, Jalan James Pearce
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam BS8610**